

# Harga bahan mentah pembinaan catat kenaikan

**Kuala Lumpur:** Harga kebanyakan bahan mentah pembinaan menunjukkan peningkatan pada Mac 2024 berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, purata harga seunit simen meningkat 2.7 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sama tahun lalu pada RM22.41 bagi satu guni 50 kilogram (kg).

Beliau berkata, perbandingan bulanan bagi purata harga simen turut mencatatkan peningkatan kecil

0.2 peratus dengan purata harga RM23.01 bagi satu guni 50kg berbanding Februari 2024 pada RM22.97 bagi satu guni 50kg.

Sementara itu, katanya purata harga seunit besi terdiri daripada bar bulat keluli lembut dan *Mycon 60 high tensile deformed bars* naik 0.1 peratus kepada RM3,683.51 bagi setiap tan berbanding bulan sebelumnya pada RM3,679.54 satu tan.

“Namun tiada perubahan dalam indeks harga seunit bagi bahan binaan terpilih seperti keratan keluli dan logam, papan



*Purata harga seunit simen meningkat 2.7 peratus pada Mac 2024 berbanding bulan sama tahun lalu pada RM22.41 bagi satu guni 50kg”*

**Mohd Uzir**

lapis, batu bata dan dinding serta bahan bumbung bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

“Perbandingan bulanan bagi simen turut menunjukkan indeks harga seunit bahan ini kekal tidak berubah bagi hampir semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024.

“Namun terdapat penurunan kecil 0.3 peratus bagi indeks harga seunit bahan ini di Terengganu dan Kelantan.

“Indeks harga seunit besi juga kekal bagi kebanyakan kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada Mac 2024 berbanding Februari 2024,” katanya dalam satu kenya-

taan diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, perbandingan tahunan untuk tempoh Mac 2023 hingga Mac 2024 menunjukkan indeks harga seunit simen meningkat antara 0.9 hingga 7.7 peratus bagi semua kawasan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Namun beliau berkata, terdapat penurunan kecil direkodkan dalam indeks harga seunit bahan ini di Kota Kinabalu (-0.7 peratus) dan Kuching (-0.1 peratus).